

# Journey to The Big Dream bersama SMKA Tun Said

UB 24.5.2018 B2

KOTA BELUD: Persatuan Belia Islam Nasional Universiti Malaysia Sabah (Pembina UMS) berjaya mengadakan satu program kepimpinan yang berlangsung selama tiga hari bermula pada 27 April sehingga 29 April di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Said (SMKA Tun Said).

Program ini melibatkan seramai 77 orang pelajar tingkatan 4 dan 22 orang fasilitator daripada mahasiswa

Pembina UMS serta Kelab Remaja ISMA Sabah (KRIM Sabah).

Journey to The Bog Dream (JTBD) adalah program kerjasama dengan Kelab Remaja ISMA yang berfokuskan kepada mahasiswa dalam membangunkan semangat jati diri dan motivasi dalam diri pelajar sekolah menengah.

Program ini juga bertujuan membantu pihak sekolah

dalam mengembalikan fokus dan matlamat pelajar tingkatan empat yang akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun hadapan.

Program JTBD ini mempunyai tiga slot iaitu slot ‘Biar Mimpi Sampai ke Syurga’ berkisarkan halatuju pelajar sekolah selepas tamat persekolahan, slot ‘Aku Bukan Superman’ berkenaan tips belajar yang berkesan, dan slot

‘Rahsia Hatiku’ merupakan slot muhasabah.

Program ini juga digabungkan dengan slot daripada KRIM Sabah iaitu slot ‘Heaven Lagend’ di mana dalam slot ini menampilkan aktiviti permainan kuiz yang menguji tahap kefahaman pelajar SMKA Tun Said berkenaan Sirah, hukum tajwid dan sebagainya.

Perasmian program Nurululfa Mad Saad berkata “Jadilah

kamu pelajar SMKA Tun Said yang bermanfaat kepada orang lain, menjadi qudwah dan ikutan kepada remaja di luar sana. Semoga dengan adanya program seperti dapat menjadi titik tolak kepada perubahan dalam diri pelajar semua.”

Turut hadir guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, guru-guru kaunselor SMKA Tun Said dan ahli jawatankuasa Kelab Remaja ISMA.